

Pusat masih perlu kerjasama ke'rajaan negeri urus air

UM - 3 AUG 2003

SUNGAI SIPUT 2 Ogos — Kerjasama dari-pada kerajaan-kerajaan negeri tetap diperlukan walaupun pengurusan air akan dikendalikan oleh Kerajaan Pusat kelak.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata, walaupun ia telah diputuskan, kerajaan-kerajaan negeri masih boleh memberi pandangan mengenai pengurusan bekalan air di negeri masing-masing melalui Majlis Sumber Air Negara.

“Pada bila-bila masa pun, Kerajaan Pusat mesti bekerjasama dengan kerajaan negeri kerana tanpa kerjasama itu, sukar untuk melaksanakan sesuatu rancangan.

“Contohnya, jika Kerajaan Pusat mahu mengadakan satu kawasan tadahan air, ia mesti mendapatkan kerjasama kerajaan negeri (sebab) tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri.

“Dalam negara demokrasi, semua orang ada suara, rakyat boleh bersuara pada bila-bila masa,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan pejabat Yayasan Sungai Siput Berhad di Taman Muhibbah Jaya I, di sini, hari ini.

Kelmarin, Samy Vellu mengumumkan persetujuan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk memindahkan pengurusan bekalan air di negeri masing-masing kepada Kerajaan Pusat.

Menurutnya, persetujuan itu telah diperakui pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, 29 Julai lalu.

Dengan perubahan itu, bekalan air kepada pengguna di negeri-negeh tidak lagi akan diuruskan oleh pihak swasta dan perbadanan-perbadanan negeri.